




JABATAN KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 23,
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR),
PETI SURAT 3007
10990 PULAU PINANG
TEL : 604-262 3505 (PEJABAT AM)
FAKS : 604-263 0725
604-261 4399



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO. QMS 02304



Ruj. Kami : JKNPP/(S)05/09/1 Jld. 2 (25)
Tarikh : 6 Mei 2020
13 Ramadhan 1441H

Ketua-Ketua Jabatan Negeri
Pulau Pinang

Ketua-Ketua Badan Berkanun Negeri
Pulau Pinang

Ketua-Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Pulau Pinang

YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Dr/ Ir/ Tuan/ Puan,

**PELAKSANAAN SEMULA PEROLEHAN BEKALAN/ PERKHIDMATAN/
KERJA DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Dr/ Ir/ Tuan/ Puan, Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bilangan 16/2020 pada 6 Mei 2020 telah bersetuju dan meluluskan supaya semua perancangan dan urusan perolehan bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang terkesan dengan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) **boleh dilaksanakan semula mulai 6 Mei 2020.**

3. Sehubungan dengan itu juga, bagi membantu jabatan/ agensi meneruskan pelawaan dan pelaksanaan perolehan semula mengikut Perancangan Perolehan Tahunan 2020 bagi tempoh semasa dan selepas PKP, Pekeliling Perbendaharaan (PP) berikut **adalah diterima pakai dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang:**

- a. PP/PK2.2 – *Kaedah Pelaksanaan Perolehan/ Projek Kerajaan Tahun 2020* berkuat kuasa 23 April 2020
- b. PP/PK2.4 – *Peraturan Berkaitan Lanjutan Masa (EOT) atau Lanjutan Tempoh Kontrak (LTK) Bagi Kontrak Kerajaan Yang Terkesan oleh Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)* berkuat kuasa 18 Mac 2020

Ruj. Kami : JKNPP/(S)05/09/1 Jld. 2 (25)
Tarikh : 6 Mei 2020
13 Ramadhan 1441H

**PELAKSANAAN SEMULA PEROLEHAN BEKALAN/ PERKHIDMATAN/ KERJA DALAM
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

4. Walau bagaimanapun, perancangan dan pelaksanaan perolehan semula oleh jabatan/ agensi adalah tertakluk kepada pindaan dan ketetapan seperti di **Lampiran A.**

5. Dengan berkuatkuasanya surat arahan ini, maka garis panduan perolehan dalam tempoh PKP yang dikeluarkan oleh jabatan ini melalui surat rujukan JKNPP/(S)05/09/1 Jld. 2 (21) bertarikh 18 Mac 2020 dan rujukan JKNPP/(S)05/09/1 Jld. 2 (22) bertarikh 30 Mac 2020 **adalah dibatalkan.**

6. Oleh yang demikian, dipohon kerjasama YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Dr/ Ir/ Tuan/ Puan, untuk mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya serta memaklumkan kepada semua pegawai dan kakitangan di bawah kawalan dan seliaan YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Dr/ Ir/ Tuan/ Puan berkaitan perkara ini. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini atau berkaitan urusan perolehan boleh dikemukakan melalui emel berikut :

- i. Puan Zuraida binti Zainol – zuraidaz@penang.gov.my
- ii. Puan Helina Yasmin binti Mohd Rauf – helina@penang.gov.my

Sekian, terima kasih.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SARUL BAHYAH BINTI HAJI ABU)
Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang



04-6505183



bahiyah@penang.gov.my

LAMPIRAN A

PINDAAN DAN KETETAPAN DALAM PELAKSANAAN SEMULA PEROLEHAN BEKALAN/ PERKHIDMATAN/ KERJA DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

1. Pelanjutan tarikh tutup iklan sebut harga/tender

- a. Ketua Jabatan/Agensi dibenarkan untuk melanjutkan tarikh tutup iklan sebut harga/tender yang telah dijadualkan dalam tempoh PKP ke suatu tarikh yang bersesuaian tertakluk kepada perkara berikut:
 - i. **sekurang-kurangnya 7 hari berturut-turut** dari tarikh pemberitahuan/notis tarikh tutup iklan yang baharu bagi perolehan secara **sebut harga**.
 - ii. **sekurang-kurangnya 10 hari berturut-turut** dari tarikh pemberitahuan/notis tarikh tutup iklan yang baharu bagi perolehan secara **tender**.
- b. Jabatan/Agensi hendaklah mengemukakan maklumat tarikh tutup iklan sebut harga/tender yang baharu melalui emel ep@penang.gov.my bagi tujuan mengemaskini tarikh baharu tersebut dalam Sistem sysP.
- c. Semua penyebut harga/petender yang telah membeli dokumen sebut harga/tender juga hendaklah dimaklumkan mengenai lanjutan tempoh pengiklanan tersebut.

2. Perubahan tarikh taklimat/lawatan tapak sebut harga/ tender

- a. Ketua Jabatan/Agensi dibenarkan untuk membuat perubahan tarikh taklimat/lawatan tapak bagi sebut harga/tender yang telah dijadualkan dalam tempoh PKP **ke suatu tarikh yang bersesuaian**.
- b. Jabatan/Agensi hendaklah mengemukakan maklumat tarikh taklimat/lawatan tapak yang baharu melalui emel ep@penang.gov.my bagi tujuan mengemaskini tarikh baharu tersebut dalam Sistem sysP.
- c. Pelaksanaan taklimat/ lawatan tapak hendaklah mematuhi PP/PK2.2.

3. Pelanjutan tempoh bantahan ke atas keputusan Lembaga Perolehan Negeri/Jawatankuasa Sebut Harga

- a. Bagi tempoh bantahan yang telah dijadualkan tamat dalam tempoh PKP, Ketua Jabatan/Agensi dibenarkan untuk melanjutkan tempoh bantahan tersebut **ke suatu tarikh yang bersesuaian sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut** dari tarikh pemberitahuan/notis tarikh tamat bantahan yang baharu.
- b. Jabatan/Agensi hendaklah mengemukakan maklumat tarikh tutup bantahan yang baharu melalui emel ep@penang.gov.my bagi tujuan mengemaskini tarikh baharu tersebut dalam Sistem sysP.
- c. Semua penyebut harga/petender yang telah menyertai sebut harga/tender juga hendaklah dimaklumkan mengenai lanjutan tempoh bantahan tersebut.

4. Pelanjutan tempoh sah laku sebut harga/tender

- a. Ketua Jabatan/Agensi dibenarkan untuk melanjutkan tempoh sah laku sebut harga/tender yang masih berkuat kuasa bagi sebut harga/ tender yang terkesan dengan penguatkuasaan PKP ke suatu tempoh yang munasabah.
- b. Semua penyebut harga/petender yang telah membeli dokumen atau menyertai sebut harga/tender juga hendaklah dimaklumkan mengenai lanjutan tempoh sah laku tersebut.

5. Permohonan untuk mengubah harga tawaran oleh syarikat yang ditawarkan perolehan

- a. Jabatan/ Agensi tidak boleh mempertimbangkan sebarang perubahan harga tawaran bagi mengekalkan keadilan kepada petender/penyebut harga lain yang turut menyertai tender/sebut harga tersebut.
- b. Berdasarkan persekitaran ekonomi semasa, jabatan/ agensi juga tidak boleh mengambil tindakan untuk mengenakan sebarang bentuk penalti (sebagai contoh menyenarai hitam) ke atas petender/penyebut harga yang menolak keputusan perolehan yang telah dibuat oleh Pihak Berkuasa Melulus.
- c. Oleh yang demikian, Lembaga Perolehan/ Jawatankuasa Sebut Harga semasa bersidang perlu mengambil maklum berkenaan kemungkinan perkara-perkara yang akan berlaku setelah keputusan dibuat dengan turut memutuskan supaya syarikat di kedudukan kedua dipilih sekiranya syarikat di kedudukan pertama menolak tawaran dan demikian seterusnya.

6. Lanjutan masa (*Extension of Time – EOT*) atau lanjutan tempoh kontrak (LTK) bagi kontrak yang terkesan dengan penguatkuasaan PKP

- a. Pelaksanaan EOT atau LTK bagi kontrak yang terkesan dengan penguatkuasaan PKP hendaklah mematuhi PP/PK2.4.
- b. Walau bagaimanapun, PP/PK2.4 tersebut adalah **tidak terpakai ke atas kontrak yang telah tamat dalam tempoh PKP dan perolehan baharu telah diuruskan mengikut PP/PB3.3 *Garis Panduan Perbelanjaan Darurat (AP 55) Dan Perolehan Darurat (173.2).***

7. Pelaksanaan mesyuarat Lembaga Perolehan / Jawatankuasa Sebut Harga / Jawatankuasa Penilaian berkaitan perolehan

- a. Skop bidang kuasa Lembaga Perolehan/ Jawatankuasa Sebut Harga / Jawatankuasa Penilaian berkaitan perolehan adalah sama mengikut peraturan yang berkuat kuasa.
- b. Walau bagaimanapun, pelaksanaan mesyuarat Lembaga Perolehan/ Jawatankuasa Sebut Harga / Jawatankuasa Penilaian berkaitan perolehan hendaklah mematuhi kaedah pengendalian mesyuarat perolehan bagi sebutharga/tender mengikut PP/PK2.2,
- c. Mesyuarat Lembaga Perolehan/ Jawatankuasa Sebut Harga / Jawatankuasa Penilaian berkaitan perolehan tidak boleh bersidang secara maya melalui mana-mana aplikasi *Video Conference*. Ini adalah kerana pertimbangan/penilaian adalah melibatkan maklumat terperinci dan hendaklah dibuat dalam persekitaran yang tertutup dan tidak terdedah dengan risiko yang dibuat secara maya. Ketetapan ini juga turut terpakai semasa dalam tempoh PKP.

8. Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Rundingan Harga

- a. Jabatan/ Agensi dibenarkan untuk melaksanakan mesyuarat secara *video conference* melalui aplikasi *Skype for Business (SfB)* di bawah MyGovUC atau melalui talian telefon.
- b. Manakala dokumen yang perlu dipersetujui kedua-dua belah pihak boleh ditandatangani dan dihantar melalui e-mel kepada pihak Agensi. Minit mesyuarat masih perlu disediakan.
- c. Agensi adalah bertanggungjawab memastikan teknologi yang digunakan adalah selamat dalam melindungi data dan maklumat Kerajaan.